



SIARAN MEDIA
PEMAKLUMAN WAKTU OPERASI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)
SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN
MULAI 25 MEI HINGGA 7 JUN 2021

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) ingin memaklumkan waktu operasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Diperketatkan mulai 25 Mei hingga 7 Jun 2021 bagi Ibu Pejabat MPS, kaunter bayaran Ibu Pejabat dan kaunter pandu lalu akan disingkatkan kepada 8.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin hingga Jumaat. Untuk makluman, kaunter Pejabat Cawangan MPS akan ditutup sepanjang tempoh PKP 3.0 sebagai salah satu langkah bagi mencegah penularan wabak Covid-19.

Bagi orang ramai yang ingin berurusan dengan MPS hendaklah memaparkan status pelawat melalui aplikasi MySejahtera sebelum memasuki kawasan premis manakala warga emas yang berumur 60 tahun dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah pula tidak dibenarkan untuk memasuki dan berurusan di MPS. Sehubungan itu, MPS amat menggalakkan pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian dengan melayari www.mps.gov.my bagi memudahkan urusan.

MPS berharap dengan pemakluman ini dapat memudahkan pelanggan untuk berurusan di MPS. Pelanggan yang ingin berurusan di MPS dikehendaki untuk mengimbas kod QR bagi aplikasi SELangkah.my dan MySejahtera bagi memudahkan 'contact tracing' selain sentiasa mematuhi penjarakan sosial dan memakai pelitup muka sepanjang masa berurusan di MPS.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi di talian 03-6138 9898 / 03-6126 5824 atau layari www.mps.gov.my.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:
En. Mohamad Zin Bin Masoad A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat

B.P Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

24 Mei 2021



PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 DIPERKETATKAN

MAKLUMAN WAKTU OPERASI

Sebagai salah satu langkah bagi mencegah penularan wabak covid-19, mulai 25 Mei hingga 7 Jun 2021, perkhidmatan di kaunter MPS akan beroperasi dengan waktu operasi baharu seperti berikut.

ISIN HINGGA JUMAAT

| KAUNTER | WAKTU OPERASI |
|--------------------------------------------------------|-----------------------------|
| KAUNTER PERKIDMATAN MPS LOBI SAYAP A | 8.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI |
| KAUNTER BAYARAN IBU PEJABAT, DAN KAUNTER PANDU LALU | 8.30 PAGI - 12.00 TENGAHARI |
| KAUNTER PEJABAT CAWANGAN MPS | TUTUP |

Sebagai alternatif, orang ramai juga boleh menggunakan perkhidmatan atas talian yang ditawarkan dengan melayari www.mps.gov.my atau menanggungkan dahulu urusan di MPS

AMALKAN SOP PENJARAKAN SOSIAL SETIAP MASA



www.mps.gov.my



/mpselayang



@mpselayang



@MPselayang